

Rawatan awal bantu penghidap HIV hidup sihat

BERITA HARAPAN (30/11/2019) M15 20

Kuala Lumpur: Jika dilihat fizikalnya yang tegap dan tinggi tiada siapa dapat mengagak lelaki berusia 28 tahun itu adalah positif HIV sejak 2016.

Hanya mahu dikenali sebagai Maza kini bertugas sebagai Pengurus Kes HIV di sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebelum ini dia mendapat jangkitan penyakit itu sejak 2016 selepas mengamalkan gaya hidup homoseksual.

Sejak itu dia mengambil langkah pencegahan dan kerap menjalani pemeriksaan saringan HIV setiap tiga bulan.

"Ramai mempunyai stigma orang yang hidup dengan HIV (ODHA/PLHIV) keadaannya menakutkan seperti kulit berkudis, bertubuh kurus kering dan tidak bermaya.

"Rawatan awal dan mematuhi jadual pengambilan ubat yang tepat, ODHA boleh hidup seperti individu sihat lain," katanya kepada BH.

Mengimbas kisahnya, ketika saringan kali ke lapan, pada April

2016, mendapati keputusan darah Maza adalah reaktif dengan kiraan sel darah putih (CS4) mencapai 495, iaitu lebih rendah berbanding tahap normal diperlukan antara 500 sehingga 1,400 sel per milimeter padu darah.

Maza menerima keputusan itu dengan tenang dan berbincang dengan doktor langkah perlu diambil.

Dia kemudiannya menerima rawatan antiretroviral (ART) yang membolehkannya menjalani hidup lebih sihat, selain dapat mengelak jangkitan kepada orang lain menerusi hubungan kelamin.

Dengan pengambilan ART dia jarang sakit dan hanya sesekali demam panas kerana perubahan cuaca tidak menentu.

Sebelum ini, dia makan sebiji pil di waktu siang dan dua biji pil di sebelah malam tetapi kini hanya perlu makan dua biji pil saja pada waktu malam sejak dua tahun lalu, yang dibekalkan di klinik kesihatan secara percuma.

Bagaimanapun Maza yang pernah bekerja di bidang hospitaliti tidak menafikan mengalami kesan sampingan ubat seperti muntah-muntah dan pening serta mengantuk di sebelah malam.

"Setiap enam bulan saya akan menjalani pemeriksaan kesihatan termasuk ujian darah di klinik kesihatan berhampiran.

"Saya cuba menjalani gaya hidup sihat seperti kurang makan makanan berminyak bagi memastikan ubat dimakan lebih berkesan," katanya.

Walaupun Maza penghidap HIV/AIDS dia bersyukur kerana tidak berdepan dengan diskriminasi di tempat kerja.

Katanya, rawatan diterima cukup berkesan dan membolehkannya bekerja dengan baik, tetapi buat masa ini dia memilih bekerja secara sukarela sejak tiga tahun lalu bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai HIV/AIDS serta kepentingan menjalani ujian saringan untuk pengesanan lebih awal.



Wartawan BH menemu bual penghidap HIV di Sentul, baru-baru ini.

[Foto Aswadi Alias/BH]